



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

RESIDENSI PANDANMAS - RUMAWIP SELESA, KONDUSIF DAN BERNILAI TINGGI

KUALA LUMPUR, 25 April 2017 – YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dan YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyerahkan Kunci RUMAWIP Residensi Pandanmas kepada 700 pemilik unit. Projek ini merupakan projek di bawah Dasar RUMAWIP yang dilaksanakan secara perkongsian strategik di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan Syarikat Faber Vista Sdn.Bhd pada harga RM280,000.00 dan di bawah RM300,000.00.

Residensi Pandanmas merupakan salah satu projek RUMAWIP di WP Kuala Lumpur yang berjaya disiapkan lapan bulan lebih awal dari tarikh jangkaan dengan berkeluasan 850 dan 900 kaki persegi disasarkan kepada warga Wilayah Persekutuan berpendapatan sederhana. Ini merupakan antara inisiatif Kerajaan dalam membantu golongan M40 memiliki rumah di Wilayah Persekutuan pada harga yang rendah dan berpatutan berbanding nilai pasaran semasa.

Pelbagai insentif menarik yang ditawarkan kepada warga Wilayah Persekutuan yang membeli Residensi Pandanmas ini. Syarikat Faber Vista Sdn.Bhd berbesar hati menghadihkan cabutan bertuah berupa pakej isi rumah yang bernilai RM80,000.00 kepada 10 pemilik Residensi Pandanmas. Kaedah sistem *First-Come, First-Served* juga diperkenalkan bagi memberi peluang kepada pembeli menentukan sendiri unit pilihan mereka berbanding sistem pengundian yang digunakan oleh skim-skim RUMAWIP lain.

Dalam menyambung usaha menyasarkan pembangunan sebanyak 80,000 unit rumah mampu milik di seluruh Wilayah Persekutuan ini, Residensi Pandanmas 2 juga telah diperkenalkan dengan menawarkan sejumlah 1,920 unit rumah bersebelahan dengan Residensi Pandanmas. Sebanyak 300 unit rumah kos sederhana rendah telah ditawarkan kepada semua penduduk asal pada harga RM42,000.00 seunit dan akan siap pada tahun 2019. Ini sekaligus telah dapat menyelesaikan masalah penempatan setinggan di Kampung Pandan, Kuala Lumpur.

Projek RUMAWIP ini juga merupakan perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi memastikan golongan sasaran memiliki kediaman sendiri yang kondusif melalui kerjasama dengan pihak swasta. KWP akan memastikan pelaksanaan projek rumah mampu milik berjalan lancar sehingga mencapai sasaran yang telah ditetapkan menjelang tahun 2020.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

25 April 2017